

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.02.2023 MASA:09.40

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PESTA PONGGAL MBSP 2023

OLEH

YANG BERTHORMAT PROF. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
TIMBALAN KETUA MENTERI II PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

12 FEBRUARI 2023 (AHAD)

**PEACOCK ECO PARK
TAMAN KIMSAR
PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri (II) Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy
ADUN Bagan Dalam

Yang Dihormati Encik David Marshel a/l Pakianathan
Ahli Majlis MBSP

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis MBSP

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Warga Kerja MBSP

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Perayaan Ponggal kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang; Ahli-Ahli Majlis dan kakitangan MBSP serta para hadirin yang berbangsa India. Tahniah dan syabas kepada barisan Ahli-Ahli Majlis, serta kakitangan-kakitangan MPSP yang berjaya menganjurkan Pesta Ponggal MBSP pada tahun ini di *Peacock Eco Park*, Taman Kimsar, Perai.

Izinkan juga saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, kerana sudi melapangkan masa hadir dan seterusnya merasmikan Majlis Pesta Ponggal MBSP 2023 pada pagi yang berbahagia ini.

Sambutan Pesta Ponggal oleh MBSP pertama kalinya dianjurkan pada tahun 2017 dan diadakan setiap tahun, kecuali pada tahun 2020 dan 2021 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap wabak Covid-

19. Tahun ini merupakan kali keempat Program Sambutan Pesta Ponggal dianjurkan oleh MBSP.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Ponggal merupakan perayaan yang disambut dengan meriahnya oleh masyarakat India di negara kita tanpa mengira agama dan kepercayaan. Ponggal diraikan oleh masyarakat India pada hari pertama bulan Thai menurut kalendar Tamil, yang sememangnya pada bulan Januari. Tahun ini ianya disambut pada 14 sehingga 17 Januari.

Bersempena sambutan perayaan Ponggal tahun ini, marilah kita sama-sama sebagai rakyat Seberang Perai mengeratkan perpaduan dan persefahaman dalam kalangan kita dengan harapan bahawa sambutan ini membawa satu permulaan yang baharu bagi Seberang Perai yang lebih maju dan berjaya.

Saya berasa gembira kerana walaupun wujud pelbagai kepercayaan dan anutan agama di negara kita, sikap toleransi, perpaduan dan kerjasama

antara kaum masih utuh untuk kita meraikan sesuatu perayaan dengan penuh kegembiraan tanpa perlu rasa bimbang atau takut.

MBSP menghargai nilai-nilai perbezaan ini dan menghormati kepelbagaian tersebut. Saya yakin penganjuran program seperti ini adalah satu usaha untuk mengenali sejarah perkembangan dan kebudayaan kepelbagaian kaum di Seberang Perai yang seterusnya memupuk semangat perpaduan, toleransi beragama dan keharmonian penduduk Seberang Perai. Ini adalah salah satu usaha MBSP ke arah inklusif yang bersifat *people centric*.

Marilah kita bertekad untuk memperbaharui diri kita dan melangkah ke arah kebaikan, khususnya dalam perhubungan kita antara satu sama lain. Jika kita semua, tanpa mengira kaum agama dan bangsa, mengambil langkah ini, pasti, hubungan kita antara satu sama lain akan lebih erat dan perpaduan yang menjadi lambang kejayaan kita akan terus teguh dan kukuh demi menjamin masa depan negara kita.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat Hari Ponggal, atau '*Ponggal Vaalthukal*' kepada seluruh masyarakat India di Pulau Pinang amnya dan di Seberang Perai khususnya. Di saat kita melihat ke arah satu permulaan yang baharu dalam kehidupan kita, marilah kita melihat semula perjalanan kita, melalui pelbagai rintangan dan cabaran untuk membina Seberang Perai yang lebih aman, harmoni, bersatu padu seiring arus permodenan global.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, warga MPSP dan masyarakat setempat yang datang mengambil bahagian dalam menjayakan serta memeriahkan Pesta Ponggal MBSP 2023. Besar harapan saya sekiranya para hadirin sekalian dapat bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran sepanjang Pesta Ponggal ini diadakan.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh***

Sekian, terima kasih.